



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)
Tingkat 4 - 6, 10, 11, 15 - 18, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu, Sabah.
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



Rujukan:
KKT&P:ACC.400-0/3(54)
29 Mac 2021

Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau

Pegawai Eksekutif
Lembaga Bandaran Kudat

Pegawai Eksekutif,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah

Tuan/Puan,

**PEKELILING PEMBAYARAN ELAUN PENGERUSI, SETIAUSAHA DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN DALAM BANDAR (JKDB) OLEH SEMUA PBT DI NEGERI SABAH UNTUK TAHUN 2021
- ELAUN JAWATANKUASA JKDB (AKTIVITI: 071400 42000)**

1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pembayaran elaun-elaun Pengerusi, Setiausaha dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kemasyarakatan Dalam Bandar (JKDB) oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan membuat tuntutan pembayaran ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKT&P).

2. LATAR BELAKANG

Jawatankuasa Kemasyarakatan Dalam Bandar (JKDB) adalah badan yang ditubuhkan di peringkat bandar atau pekan sebagai agen kerajaan dalam usaha-usaha untuk membangun masyarakat bandar atau pekan dan seterusnya negara. Pembayaran ini adalah selaras dengan tujuan dan matlamat penubuhan JKDB mengikut Panduan Penubuhan, Perjalanan dan Fungsi Jawatankuasa Kemasyarakatan Dalam Bandar rujukan KKT&P:(S)100-9/21 Jld.5 bertarikh 05 Ogos 2019.

“SABAH MAJU JAYA”

...2/-

**PEKELILING PEMBAYARAN ELAUN PENGERUSI, SETIAUSAHA DAN
AHLI-AHLI JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN DALAM BANDAR
(JKDB) OLEH SEMUA PBT DI NEGERI SABAH UNTUK TAHUN 2021
- ELAUN JAWATANKUASA JKDB (AKTIVITI: 071400 42000)**

3. KAEADAH PEMBAYARAN

Bagi maksud pembayaran elaun-elaun JKDB pada tahun ini, tuan/puan adalah diarah untuk mengambil tindakan berikut:

- 3.1 PBT adalah dikehendaki menyediakan baucar bayaran dengan diberi **Kuasa Serta Merta** bagi menyemak dan meluluskan baucar-baucar sendiri untuk pembayaran oleh Bank PBT masing-masing.
- 3.2 PBT hendaklah memastikan bayaran-bayaran kepada setiap pihak JKDB adalah teratur dan lancar supaya peruntukan tersebut yang ada di kementerian tidak lupa.
- 3.3 Sila kemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti dalam Lampiran JKDB 1 dan JKDB 2 (ada disertakan bersama-sama ini) kepada Kementerian sebaik sahaja pembayaran-pembayaran telah dilaksanakan sepenuhnya.

4. TARikh KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

5. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemosyikilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Penolong Akauntan di Bahagian Akaun melalui telefon 088-436327/425970.

Sekian dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


[NICOLAS P. PISOL C.A.(M)]

Ketua Akauntan
b.p. Setiausaha Tetap

/lampiran

SABAH MAJU JAYA

Lampiran JKDB 1

1	Surat tuntutan daripada majlis mengenai pembayaran-pembayaran elaun ini yang jelas dengan catatan tempoh tuntutan elaun.
2	Salinan Watikah Perlantikan Ahli-ahli JKDB yang di Sahkan Benar .
3	Salinan Kad Pengenalan Ahli-ahli JKDB yang di Sahkan Benar .
4	Salinan Asal Lampiran 'A' penerima-penerima yang di Sahkan Benar .
5	Baucar pembayaran PBT di Sahkan Benar .

Lampiran JKDB 2

1	Senarai salinan kehadiran ahli-ahli yang menghadiri mesyuarat dan di Sahkan Benar .
2	Salinan minit-minit Mesyuarat yang di Sahkan Benar .
3	Surat tuntutan elaun ahli-ahli JKDB yang di Sahkan Benar .
4	Baucar pembayaran PBT di Sahkan Benar .